

Kerajaan boleh guna Akta Pengambilan Tanah untuk lindungi kolam takungan air

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan boleh menggunakan Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi mengambil semula mana-mana kawasan kolam takungan air yang sudah diluluskan kepada pihak ketiga untuk pembangunan.

Pensyarah Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof Dr Ainul Jaria Maidin, berkata satu lagi kaedah untuk ‘menyelamatkan’ semula tanah terbabit ialah dengan membuat pembatalan atau pengubahsuaian kepada Kebernarang Membangun (DO) yang sudah diberikan kepada pemaju.

“Dua cara ini boleh digunakan untuk menyelamatkan enam kolam takungan air di ibu

kota Kuala Lumpur yang sudah diberi milik kepada syarikat pemaju untuk tujuan pembangunan.

“Bagaimanapun, pemilik tanah hendaklah diberikan baya-ran pampasan yang berpatutan mengikut nilai pasaran apabila tanah berkenaan diambil balik oleh pihak kerajaan,” katanya kepada *BH*.

Beliau diminta mengulas laporan *BH* Selasa lalu bahawa agensi teknikal dan kejuruteraan yang bertanggungjawab isu banjir pernah mengesyorkan beberapa kolam air di ibu kota diwartakan sebagai kolam takungan banjir dan mengelakkannya daripada dijadikan kawasan komersial, namun syor itu ditolak.